

# AMCOR 5MG TABLET

Amlodipine (5mg)

## Apa yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Amcor
2. Bagaimana Amcor berfungsi
3. Sebelum mengambil Amcor
4. Cara menggunakan Amcor
5. Semasa anda menggunakan Amcor
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Amcor
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Amcor

Amcor digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan jenis sakit dada tertentu yang dinamakan angina.

## Bagaimana Amcor berfungsi

Amcor mengandungi bahan aktif *amlodipine* yang termasuk dalam kumpulan ubat dinamakan penyekat saluran kalsium. Di kalangan pesakit tekanan darah tinggi, penyekat saluran kalsium menurunkan tekanan darah dengan mengendurkan dinding saluran darah supaya darah dapat melaluinya dengan lebih mudah. Ia juga memberi kesan ke atas jantung. Jadi, ia boleh digunakan untuk angina (angina pektoris). Di kalangan pesakit angina, Amcor bertindak dengan membaiki bekalan darah ke jantung. Apabila jantung menerima lebih banyak bekalan darah, lebih banyak oksigen diterima dan ini dapat mengelakkan sakit dada.

## Sebelum mengambil Amcor

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alah kepada *amlodipine* atau penyekat saluran kalsium sama seperti (yang dinamakan derivatif *dihydropyridine*), atau mana-mana bahan lain.
- Jika anda mengalami tekanan darah terlalu rendah
- Jika anda mengalami kegagalan jantung selepas serangan jantung

### Sebelum mula mengambil

Anda hendaklah memberitahu doktor anda atau pengamal perubatan jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana satu daripada keadaan berikut

- Baru mendapat serangan jantung
- Kegagalan jantung
- Kenaikan teruk tekanan darah (krisis hipertensi)
- Penyakit hati
- Mengambil ubat lain

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat tanpa preskripsi. Amcor boleh menurunkan lagi tekanan darah anda jika anda sudah mengambil ubat lain untuk merawat tekanan darah tinggi.

## Cara menggunakan Amcor

### Berapa banyak harus diambil

Ambil ubat anda betul-betul mengikut arahan doktor anda. Tanyalah doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. Dos permulaan biasa ialah 5 mg sekali sehari. Jika perlu, doktor boleh menaikkan dos ini kepada 10 mg sekali sehari.

### Bila perlu diambil

Ubat anda boleh diambil sebelum atau selepas makan dan minum. Anda hendaklah mengambil ubat anda dengan segelas air pada masa yang sama setiap hari. Jangan ambil Amcor dengan jus limau gedang.

### Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat selama dipesan oleh doktor. Pastikan anda mempunyai bekalan Amcor yang cukup untuk hari minggu dan cuti. Amcor membantu mengawal tekanan darah tinggi tetapi tidak akan mengubatinya. Maka, anda mungkin perlu mengambil ubat ini untuk masa yang lama.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil sebiji pil, jangan sama sekali mengambil dos itu. Ambil dos seterusnya pada masa yang betul. Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan terlalu banyak pil boleh menyebabkan tekanan darah anda menjadi rendah atau terlalu rendah hingga membahayakan. Anda boleh merasa pusing kepala, pening, lemah atau pengsan. Jika tekanan darah jatuh dengan cukup teruk, kejutan boleh berlaku. Kulit anda boleh terasa sejuk dan berlengas dan anda boleh hilang kesedaran. Segera dapatkan bantuan perubatan jika anda terambil terlalu banyak pil Amcor.

## Semasa menggunakan Amcor

Perkara yang perlu dilakukan  
Keselamatan *amlodipine* kepada kehamilan manusia belum dapat dipastikan.

Jika anda fikir anda hamil, atau merancang untuk hamil, anda mesti memberitahu doktor anda sebelum anda mengambil Amcor.

Tidak diketahui sama ada *amlodipine* meresap ke dalam susu ibu. Jika anda menyusukan bayi atau berhasrat untuk mula menyusukan bayi, anda mesti beritahu doktor anda sebelum mengambil Amcor.

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Amcor dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

*Perkara yang perlu diberi perhatian*  
Penggunaan Amcor di kalangan kanak-kanak belum dikaji.  
Untuk maklumat lanjut, sila minta penjelasan daripada doktor anda.  
Amcor boleh menjelaskan keupayaan anda untuk memandu dan menggunakan mesin. Jika pil ini membuat anda rasa tidak sihat, pening atau letih, atau menyebabkan anda pening, jangan memandu atau menggunakan mesin. Hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Amcor boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Segera jumpa doktor anda jika anda mengalami mana-mana satu daripada kesan sampingan yang sangat jarang berlaku, atau teruk selepas mengambil ubat ini.

#### **Kesan sampingan paling biasa diperhatikan adalah:**

- Kemerahan kulit
- Letih
- Buku lali bengkak
- Pening, sakit kepala
- Sakit abdomen, loya
- Palpitasi (Denyutan jantung yang cepat dan deras)
- Mengantuk

Jika mana-mana kesan sampingan ini menjadi serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan**

##### **Amcor**

*Penyimpanan*  
Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pembungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari akhir bulan yang dinyatakan.

##### *Pelupusan*

Sekiranya doktor memberhentikan anda daripada mengambil Amcor atau ubat ini telah luput, sila pulangkan baki ubat kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

#### **Maklumat lanjut**

##### *Rupa dan warna produk*

Pil: Pil dwicembung putih, bulat, dengan garis pemisah di satu permukaan dan kosong pada satu permukaan lagi.

Saiz Pek:

Kotak mengandungi 3 papan x 10 pil  
Kotak mengandungi 10 papan x 10 pil  
Bukan semua saiz pek dijual

##### *Bahan-bahan kandungan*

Setiap pil mengandungi *amlodipine* besilat 7mg bersamaan *amlodipine* 5mg.

Exipient: *Microcrystalline cellulose*, *magnesium stearate*, *sodium starch glycolate* dan *talc*.

*MAL No: MAL09122027A*

#### **Pengilang**

PT.Merck Tbk.  
JL. TB Simatupang No.8, Pasar Rebo Jakarta 13760, Indonesia

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck Sdn Bhd (178145-V)  
Level 3, Menara Sunway Annexe,  
Jalan Lagoon Timur  
Bandar Sunway  
46150, Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

#### **Tarikh Kemaskini RiMUP:**

31/12/2013